

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2018

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg.Prof/Tuan/Puan,

**TUNTUTAN BAYARAN BALIK PEMBELIAN MAKANAN SEMASA PENERBANGAN DAN
SEWA KENDERAAN SEMASA BERTUGAS RASMI DAN KURSUS**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai tuntutan bayaran balik pembelian makanan semasa penerbangan dan sewa kenderaan semasa bertugas rasmi dan kursus.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari melalui Pekeliling Bendahari Bil 1/2016 telah mengeluarkan penetapan berkenaan Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Staf Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) Kerana menjalankan Tugas Rasmi Atau Kursus Di Dalam dan Luar Negara.
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 5/2017 yang telah bersidang pada 21 November 2017 telah bersetuju dan memperakukan tuntutan bayaran pembelian makanan semasa penerbangan dan sewa kenderaan semasa bertugas rasmi dan kursus.

3.0 PELAKSANAAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK PEMBELIAN MAKANAN SEMASA PENERBANGAN DAN SEWA KENDERAAN SEMASA BERTUGAS RASMI DAN KURSUS

- 3.1 Pembelian makanan dalam penerbangan bagi pembelian tiket kapal terbang yang diuruskan sendiri oleh staf melalui syarikat penerbangan yang dibenarkan adalah layak membuat tuntutan bayaran semula dengan syarat tertakluk untuk staf sahaja dan 1 set menu (makanan dan air).
- 3.2 Bagi staf yang menyewa kenderaan untuk pergerakan semasa bertugas rasmi atau kursus hanya layak untuk bayaran balik bagi tambang teksi satu (1) tempat duduk atau menggunakan pengangkutan awam lain sepertimana yang telah ditetapkan oleh 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP).

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Surat pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai Februari 2018 dan dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil 1/2016, Surat Pekeliling Bendahari Bil 7/2014 dan Pekeliling Perbendaharaan – Pengurusan Wang Awam (WP 1.4).

Kerjasama dari YBhg.Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan penguatkuasaan surat pekeliling ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,

AZIZAH BINTI NASRI

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k
- Y.Bhg. Naib Canselor
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Ketua Unit Audit Dalam